

MEMO

Tarikh : 15 Mac 2021
Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah MPC
Daripada : En. Mohd Noor Azrin Bin Adnan
(PACS / OED)
Melalui : En. Rosmi Abdullah
Pengarah PACS / OED

Tajuk : Memohon Kelulusan Bagi Pengeluaran Pesanan Tempatan (LPO) Selepas Tarikh Program

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', program kursus 'Problem Solving Technique' telah diadakan pada hari Khamis 11 Mac 2021 bersama Syarikat UMW Holdings Sdn Bhd. Kelewatan pengeluaran Pesanan Kerajaan disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

- i. Menerima Akaun setuju terima daripada Syarikat UMW Holdings Sdn Bhd lewat (2 Mac 2021) kerana pihak UMW Holdings Sdn Bhd mengambil masa untuk berbincang bersama pihak pengurusan mengenai tarikh yang sesuai mengadakan kursus.
- ii. Penukaran penceramah pada waktu akhir sebelum kursus diadakan kerana penceramah sebelum ini mempunyai hal yang tidak dapat dielakkan untuk melaksanakan kursus ini. Ianya mengakibatkan pihak PACS perlu mencari pengganti yang mempunyai pengetahuan tentang topik yang dipilih oleh Syarikat UMW Holdings Sdn Bhd.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan yang dinyatakan di atas bagi memastikan proses pembayaran dari pihak kewangan kepada pembekal dapat dibuat di dalam masa yang ditetapkan.

4. Pertimbangan daripada YBhg. Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima ribuan terima kasih.

Disediakan oleh;



(En. Mohd Noor Azrin Adnan)
Penolong Pengurus PACS

Disokong oleh;



(En. Rosmi Abdullah)
Pengarah PACS

Diluluskan/Tidak Diluluskan



(Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
(MPC)